



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAJIAN KES PEMUPUKAN BUDAYA MEMBACA DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH

ADAM ZULKARNAIN BIN SALENG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAJIAN KES PEMUPUKAN BUDAYA MEMBACA DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH

ADAM ZULKARNAIN BIN SALENG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (SOSIOLOGI PENDIDIKAN)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپريسي تعليم سلطان ايدريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

KAJIAN KBS PEMUPUKAN BUDAYA MEMBACA
DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH

No. Matrik / Matric's No.:

P20112001529

Saya / I:

ADAM ZULKARNAIN BIN SALENG

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972



TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS



(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 12.10.2020


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROFESOR DR. AMIR HASAN BIN DAWI
FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TANJONG MALIM, PERAK

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپن اونیورسیتی سلطان ایدریس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY


Sila tanda (v)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15 (hari bulan) 09 (bulan) 2020

i. Perakuan pelajar:

Saya, ADAM ZULKARNAIN BINSALENT, P20112001529 (SILA
FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (CFPM)
 NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa
 disertasi/tesis yang bertajuk KAJIAN KES PEMUPUKAN BUDAYA MEMBACA
DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana
 hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi
 maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula
 daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan
 dengan sejelasan dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelidik:

Saya, PROF. DR AMIR HASAN DAWI (NAMA PENYELIA) dengan ini
 mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KAJIAN KES PEMUPUKAN
BUDAYA MEMBACA DALAM KALANGAN MURID
SEKOLAH RENDAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut
 Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah
DOKTOR FALSAFAH (SOSIOLOGI PENDIDIKAN) (SILA NYATAKAN NAMA
 IJAZAH).

13.10.2020

Tarikh

Tandatangan Penyelidik





PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kehadiran Ilahi dengan limpah kurniaNya dan dengan jayanya dapat menyiapkan tesis ini. Alhamdulillah saya diberikan kesihatan yang baik dan iltizam yang kuat untuk menyempurnakan kajian ini “Kajian Kes Pemupukan Budaya Membaca Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah” dengan baik walaupun mengambil masa yang lama.

Dalam usaha yang getir dan rintangan yang sesekali mematahkan semangat saya akan tetapi dengan usaha, tunjuk ajar dan nasihat daripada Prof. Dr. Amir Hasan Dawi iaitu penyelia saya, akhirnya terhasillah tesis saya ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Prof. atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa menyempurnakan tesis ini. Saya amat menghargai kesabaran Prof. melayan kerenah saya dan sedia berkongsi maklumat dan kepakaran, senang dihubungi dan cepat dalam tindakan semasa sesi penyeliaan sepanjang pengajian ini. Kadang kala perasaan putus asa dan menyerah kalah dapat ditepis dengan semangat kesabaran, pembacaan yang teliti, minat terhadap kajian ini serta maklum balas daripada beliau yang menyakinkan amat membantu untuk menyempurnakan tesis ini. Ribuan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Prof. Dr. Amir Hasan Dawi.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Fakulti Pembangunan Manusia (FPM) dahulu dikenali Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia (FPPM) di atas kesudian menerima saya sebagai pelajar di bawah fakulti ini dan juga sekolah tempat saya membuat kajian, Guru Besar, guru-guru, murid sekolah dan semua yang terlibat atas kerjasama yang diberikan semasa kajian ini dijalankan.

Saya ingin merakamkan lestari budi kasih yang tidak terhingga kepada puteri-puteri saya yang tercinta iaitu Nik Putri Nurzahrah Zulaikha dan Nik Putri Nurzahrah Sofea dan Insan terbaik untuk anak-anak Tengku Puan Monolida Che Engku Hashim atas segala kasih sayang yang diberikan dan berkat daripada mereka saya tidak berputus asa. Merekalah yang menjadi sumber inspirasi kepada saya ketika menyiapkan kajian ini. Semoga tesis ini menjadi pendorong kepada mereka dalam usaha mencapai kejayaan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan rasa cinta kepada kedua ibu bapa saya iaitu Saleng bin Bacho dan Ache binti Paddo dan sepuluh adik beradik saya iaitu, Happe, Hadu, Cikgu Nurbaya, Cikgu Satinah, Cik Inas, Iskandar, Minn, Muna, Rahman dan Awik serta ahli keluarga lain yang telah memberi galakan dan dorongan sepanjang kajian ini. Tidak lupa juga buat Azhar Harun dan Ima Eryanti Abdul Manaf yang banyak menghulurkan bantuan dan motivasi demi mengharungi cabaran-cabaran sepanjang pengajian ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pemupukan budaya membaca dalam kalangan murid di sebuah sekolah rendah. Secara khusus objektif kajian ini adalah untuk meneroka penerapan budaya membaca dalam perspektif sekolah rendah, melihat ciri-ciri budaya membaca yang diamalkan oleh murid, mengenal pasti penglibatan sekolah dalam memupuk budaya membaca, mengenal pasti faktor-faktor yang menghalang pemupukan budaya membaca dan keperluan dalam membudayakan budaya membaca. Pendekatan kualitatif telah dipilih dengan menggunakan kajian kes sebagai metodologi kajian. Tiga teknik triangulasi kutipan data digunakan iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Informan yang ditemu bual secara mendalam hingga ketahap ketepuan data adalah seramai 15 orang murid dan empat orang guru. Data dianalisis dengan melakukan proses transkripsi dan pengekodan dalam melihat kecenderungan terhadap budaya membaca. Teori budaya yang diperkenalkan oleh Piere Bourdieu digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan budaya membaca bukan habitus dalam kalangan murid. Membaca bukanlah satu perkara yang dilakukan secara rela dan keinginan untuk membaca tidak seperti keinginan untuk berseronok. Dalam persekitaran sekolah, murid lebih cenderung kepada kebiasaan berseronok bersama kawan-kawan. Di sekolah ini murid hanya membaca untuk tujuan peperiksaan, kurang program budaya membaca dan bahan-bahan sokongan tidak mencukupi. Dalam konteks kajian, jika seseorang dilihat membaca buku, sudah dianggap sebagai budaya membaca. Kajian merumuskan budaya membaca dalam kalangan murid ditafsirkan sebagai seseorang yang membaca buku untuk tujuan pembelajaran, masa lapang, keseronokan dan sebagainya tetapi bukan sebagai tabiat. Implikasi adalah habitus membaca murid perlukan perubahan melalui pelbagai pendekatan termasuk program sepanjang tahun, penyediaan koleksi dan kemudahan capaian maklumat yang lebih baik (modal budaya) dalam lapangan (*field*) sekolah.





A CASE STUDY OF THE CULTIVATION OF THE READING CULTURE AMONG PRIMARY SCHOOL STUDENTS

ABSTRACT

This study aimed to identify the cultivation of the reading culture among the primary school students. Specifically, the study objectives were to explore the inculcation of the reading culture in the primary school perspective, to identify the features of the reading culture as practised by the students, to identify the school's involvement in encouraging the reading culture, to identify the factors which hinder the development of the reading culture and the requirements for creating a reading culture. A qualitative approach was chosen by using a case study as the study methodology. Three data collection triangulation techniques were utilised which were observation, interviews and document analysis. The informants who were subjected to in-depth interviews to the data saturation point were 15 teachers and 4 students. The data was analysed using transcription and coding processes to assess the students' inclination towards the reading culture. The culture theory proposed by Pierre Bourdieu was utilised in this study. The findings indicated that the reading culture was not a habitus among the students. Reading was not done voluntarily and the intention to read was not as strong as the intention to have fun. In the school environment, the students were more inclined to have fun with their friends. At school, the students only read for examination purposes, there were not enough reading programmes and the support resources were limited. In this study context, if someone had been seen reading a book that would be sufficient to be considered as the reading culture. This study summarised that the reading culture among the students could be understood as the practice of reading books for learning purposes, to fill up the free time, to have some fun and such, but not as a habit. The study implications showed that the students' reading habitus needed a change through various approaches such as year-long reading programmes, better preparation of reading resources and information access (cultural capital) in the school environment..



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Pernyataan Masalah	13
1.4 Objektif Kajian	16
1.5 Soalan Kajian	17
1.6 Kerangka Konseptual	18
1.7 Kepentingan Kajian	25
1.8 Batasan Kajian	27
1.9 Definisi Istilah	29

1.9.1	Budaya	29
1.9.2	Membaca	31
1.9.3	Budaya Membaca	32
1.9.4	Murid Sekolah Rendah	33
1.9.5	Sekolah Rendah	34
1.9.6	Pusat Sumber Sekolah	34
1.10	Kaedah Kajian	35
1.11	Rumusan	36

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	39
2.1.1	Membaca	40
2.1.2	Pentingnya Membaca	41
2.1.3	Budaya Membaca	43
2.2	Kajian Membaca di Malaysia	46
2.2.1	Kajian Ilmiah	47
2.2.2	Seminar/Artikel/Jurnal	55
2.3	Teknologi Dalam Budaya Membaca	58
2.4	Sekolah Sebagai Tempat Pembentukan Budaya Membaca	64
2.4.1	Program Galakan Membaca	68
2.4.2	Fungsi Pusat Sumber Sekolah	73
2.4.3	Galakan Ibu Bapa	80

2.4.4	Fungsi Perpustakaan Desa Kepada Murid Sekolah Semasa Luar Sekolah	82
2.5	Kajian Luar Negara	84
2.6	Pendekatan Teori Dalam Kajian	86
2.6.1	Teori Modal Budaya dan Budaya	87
2.6.2	Teori Modal Sosial	88
2.7	Penggunaan Kaedah Penyelidikan Dalam Kajian Membaca	89
2.8	Rumusan	92

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	93
3.2	Kajian Kualitatif	95
3.3	Kajian Kes	98
3.4	Skop Kajian	104
3.4.1	Informan Kajian	104
3.4.1.1	Murid Sekolah Rendah	106
3.4.1.2	Guru Sekolah Rendah	109
3.4.2	Tempat Kajian	110
3.4.3	Tempoh Kajian	112
3.5	Proses Kutipan Data	112
3.5.1	Pemerhatian	113
3.5.2	Temu Bual	119
3.5.3	Analisis Dokumen/Bahan Budaya	123

3.6	Ketepuan Data	125
3.7	Proses Analisis Data	126
3.7.1	Peringkat Analisis	127
3.7.1.1	Analisis Pemerhatian	128
3.7.1.2	Analisis Temu Bual	128
3.7.2	Triangulasi	129
3.8	Etika Kajian	130
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	133
3.10	Rumusan	136

BAB 4 PERBINCANGAN DATA-DATA KAJIAN

4.1	Pengenalan	137
4.2	Perbincangan Data-Data Pemerhatian	138
4.2.1	Pengenalan	138
4.2.2	Cara Pemerhatian	139
4.2.3	Pemerhatian Fasa Pertama	141
4.2.3.1	Pemerhatian Pertama	142
4.2.3.2	Pemerhatian Kedua	144
4.2.3.3	Pemerhatian Ketiga	145
4.2.3.4	Pemerhatian Keempat	146
4.2.3.5	Pemerhatian Kelima	148
4.2.3.6	Pemerhatian Keenam	149
4.2.3.7	Pemerhatian Ketujuh	150

4.2.3.8	Pemerhatian Kelapan	151
4.2.3.9	Pemerhatian Kesembilan	152
4.2.3.10	Pemerhatian Kesepuluh	153
4.2.3.11	Rumusan Pemerhatian Tahap Pertama	154
4.2.4	Pemerhatian Fasa Kedua	157
4.2.4.1	Pemerhatian Kesebelas	158
4.2.4.2	Pemerhatian Kedua Belas	159
4.2.4.3	Pemerhatian Ketiga Belas	160
4.2.4.4	Pemerhatian Keempat Belas	160
4.2.4.5	Pemerhatian Kelima Belas	161
4.2.4.6	Pemerhatian Keenam Belas	161
4.2.4.7	Rumusan Pemerhatian Tahap Kedua	162
4.2.5	Pemerhatian Secara Mendalam Terhadap Informan	164
4.2.5.1	Pemerhatian Mengikut Kaum	164
4.2.5.2	Pemerhatian Mengikut Jantina	167
4.2.5.3	Pemerhatian Mengikut Bilik Darjah	168
4.2.5.4	Pemerhatian Murid Dari Segi Pengaruh Luaran	168
4.2.5.5	Rumusan Pemerhatian	169
4.2.6	Keseluruhan Pola Pemerhatian	170
4.3	Perbincangan Data-Data Temu Bual	171
4.3.1	Pengenalan	171
4.3.2	Dapatan Data Temu Bual Awal	172

4.3.3	Temu Bual Lanjut	174
4.3.3.1	Analisis	176
4.3.4	Temu Bual Bersama Informan Guru Sekolah	192
4.3.5	Rumusan	209
4.4	Perbincangan Data-Data Dokumen	210
4.4.1	Pengenalan	210
4.4.2	Analisis Dokumen	210
4.4.3	Huraian Berdasarkan Statistik Program NILAM	214

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	217
5.2	Rumusan Objektif Dan Soalan Kajian	218
5.2.1	Objektif Pertama – Budaya Membaca Dalam Prespektif Sekolah Rendah	218
5.2.2	Objektif Kedua – Ciri-Ciri Budaya Yang Diamalkan	224
5.2.3	Objektif Ketiga – Penglibatan Sekolah	227
5.2.4	Objektif Keempat – Faktor-Faktor	229
5.2.5	Objektif Kelima – Keperluan ICT Dalam Budaya Membaca	231
5.3	Implikasi Teori	232
5.4	Modal Budaya Membentuk Budaya Membaca	235
5.5	Implikasi Budaya Membaca Dalam Individu dan Komuniti	237
5.6	Cadangan-Cadangan Untuk Diketengahkan	241



5.6.1	Peranan Sekolah Sebagai Institusi Pendidikan Yang Penting	241
5.6.2	Peranan Guru	244
5.6.3	Peranan Pusat Sumber Sekolah	246
5.6.4	Peranan Ibu Bapa	249
5.6.5	Peranan Institusi berkaitan	250
5.7	Cadangan Untuk Kajian Lanjut	251
5.8	Penutup	252
	RUJUKAN	255



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Plan Pembangunan Budaya Membaca	67
3.1 Perbezaan Bentuk Kajian Yang Dilaksanakan	100
3.2 Penentuan Kod Yang Digunakan Untuk Menganalisis Temu Bual Informan Murid Sekolah Rendah	128
3.3 Unsur-Unsur Dalam Kod Etika Penyelidikan	132
3.4 Prosedur Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian Yang Dijalankan	135
4.1 Analisis Kod	175
4.2 Program Sekolah	214



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konsepsual	20
1.2	Proses Kutipan Data Kajian	36
2.1	Konsep Budaya Membaca	46
3.1	Reka Bentuk Kajian Yang Digunakan	103
3.2	Proses Permerhatian Yang Dilaksanakan	117
3.3	Proses Temu Bual Yang Dilaksanakan	121
3.4	Soalan Temu Bual Bersama Informan	123
5.1	Kerangka Aliran Kajian	218
5.2	Konsep Teori Budaya Dalam Memupuk Budaya Membaca	235





SENARAI SINGKATAN

DMK	Dekat Membaca Kebangsaan
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
NILAM	Nadi Ilmu Amalan Membaca
PAN	Perpustakaan Awam Negeri
PD	Perpustakaan Desa
PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
PSS	Pusat Sumber Sekolah
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SK	Sekolah Kebangsaan





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Nota Lapangan
- B Soalan Temu Bual Informan
- C Transkripsi Temu Bual Bersama Informan Murid Sekolah
- D Transkripsi Temu Bual Bersama Informan Guru Sekolah
- E Pengesahan Kod Temu Bual Oleh Pakar
- F Kebenaran Menjalankan Kajian





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Budaya membaca merupakan salah satu budaya yang perlu diimarah dan diamatkan dalam masyarakat bertamadun. Dalam membina sesebuah tamadun yang tinggi, menurut Ishak Saat (2007), beberapa ciri perlu ada iaitu kemajuan teknologi, sistem pemerintahan dan ekonomi, urbanisasi, struktur sosial, agama, tulisan dan bahasa (pengetahuan) serta budaya dan kesenian. Semua tamadun yang lahir di dunia adalah berasaskan ilmu pengetahuan, termasuklah tamadun Greek dan Rom yang disegani di dunia pada masa lalu dan masih dikenali sehingga kini (Ghazali Darusalam, 2001). Penekanan terhadap pengetahuan dalam ketamadunan moden menuntut setiap individu perlu memiliki ilmu pengetahuan.

Nurul Shahira Salim (2013) mengatakan dalam kajiannya, tahap ilmu manusia merupakan asas dalam kehidupan kelompok manusia dan ianya menjadi faktor kepada





persaingan antara satu sama lain sama ada dalam lingkungan komuniti yang kecil mahupun dalam komuniti global. Tambahan pula, ilmu seseorang lazimnya berhubungkait melalui pembacaan yang berupaya meningkatkan ilmu dalam pelbagai lapangan. Dengan budaya membaca, kelompok atau komuniti sesebuah tamadun akan menjadi tinggi darjatnya berbanding dengan tamadun yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan. Malah dalam mewujudkan ketamadunan kini iaitu bandar pintar menekankan ilmu pengetahuan bernilai yang berteraskan moral dan etika (Jalaluddin Abdul Malek, 2014) dengan melahirkan masyarakat yang berbudaya membaca.

Justeru, budaya membaca adalah penting dalam sesebuah ketamadunan dan bagi membentuk budaya membaca perlu penyertaan dalam masyarakat moden kerana ia dapat menambah kualiti hidup, menyediakan akses kepada budaya dan warisan budaya lain, kuasa dan perubahan melalui ilmu pembacaan kepada semua masyarakat komunitinya. Apa yang perlu difokuskan di sini adalah budaya membaca itu sendiri. Ini kerana sesebuah budaya yang unik ataupun pelbagai seperti yang dinyatakan oleh sesetengah sarjana beranggapan bahawa, budaya sebagai refleksi atas perilaku sosial dan ada yang melihat budaya sebagai suatu amalan yang sangat berbeza dengan perilaku sosial. Para saintis Rusia menekankan pentingnya budaya membaca dalam pembangunan manusia. Membaca menyumbang kepada pembangunan intelektual dan emosi kerana berupaya untuk membina pembangunan diri dan kesedaran diri (Valeeva & Valeeva, 2013; Sagitova, 2014).

Tokoh sosiologi terkenal iaitu Pierre Bourdieu (1990) ada menjelaskan melalui teori-teori beliau yang banyak dipengaruhi oleh tokoh-tokoh seperti Max





Weber, Karl Marx, Emile Durkheim dan ramai lagi mengatakan dalam lingkungan sosial sesebuah komuniti terbentuk daripada beberapa perkara yang merangkumi budaya, ekonomi, politik, kesenian dan sebagainya. Bourdieu menjelaskan dalam teorinya iaitu modal budaya yang merujuk kepada aset bukan fiskal melibatkan ilmu pendidikan, sosial dan intelektual dapat diberikan kepada kanak-kanak yang membesar dalam intelektual keluarga moden. Bourdieu menambah, budaya kelas dominan disebarkan dan diberi ganjaran melalui sistem pendidikan di mana budaya yang sesuai dan tepat diterapkan terhadap pelajar-pelajar akan menjadikan pelajar tersebut berjaya dalam bidang akademik dan sosio-ekonomi.

Budaya yang unik membangunkan tamadun tinggi tidak lari daripada pentingnya ilmu pengetahuan yang diperoleh melalui pembelajaran dan membaca. Dalam Islam, penekanan diberikan kepada kepentingan membaca juga dibuktikan melalui perintah pertama yang diwahyukan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad S.A.W iaitu menyuruh baginda membaca. Melalui perkataan 'Iqra', Rasulullah diperintahkan untuk membaca melalui Surah Al-Alaq dalam ayat 1-5 yang bermaksud:

(Wahai Muhammad bacalah) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku, bacalah dan Tuhanmu yang Maha pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

(Surah Al-Alaq, ayat 1-5)





Justeru, penekanan kepada budaya membaca terutamanya bagi golongan kanak-kanak adalah amat perlu. Ini kerana budaya membaca dapat membina generasi baru yang berilmu dan berpengetahuan dalam pelbagai bidang dan sangat bergantung kepada buku bagi tujuan komunikasi (Griswold, 2000). Noor Azmi Ibrahim (1998) menyatakan mempromosi budaya membaca menjadi sangat penting bagi mana-mana masyarakat di abad ke-21, terutamanya kanak-kanak yang akan menjadi pemimpin masa depan ini kerana budaya membaca adalah asas kepada pertumbuhan dan pembangunan sesuatu masyarakat. Pengembangan kreativiti secara logik, membina daya imaginasi dan boleh memberi pandangan merupakan fokus pengisian kurikulum abad ke-21 selain daripada penguasaan pengetahuan dan kemahiran asas.



Perkembangan teknologi masa kini dilihat telah mempengaruhi tingkahlaku budaya membaca remaja seperti yang dinyatakan oleh Chauhan dan Lal (2012), Issa, Amusan, Adeniran dan Bolarinwa (2014), Saa'id dan Wahab (2014), Sampath Kumar dan Basavaraja (2016) serta Kumara dan Sampath Kumar (2018) iaitu internet mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan di mana internet menjadi sumber utama bahan bacaan di mana penerbitan *ebook* yang banyak dihasilkan untuk memudahkan pengguna mendapatkan maklumat melalui atas talian (Abdullah Fadli & Ahmad Ishak Md Sidin, 2016).

Dalam bidang pendidikan, budaya membaca seharusnya dipandang serius agar menjadi sebahagian daripada persekitaran budaya sekolah itu sendiri. Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman (2003) menyatakan sekolah adalah satu masyarakat kecil yang mempunyai budaya tersendiri. Oleh demikian, membaca harus menjadi salah





satu budaya yang wajib ada disetiap sekolah, kerana dengan wujudnya budaya membaca dapat melahirkan satu generasi berilmu dan mampu melahirkan pemimpin yang berpengetahuan dan berinovasi. Ini kerana, apabila seseorang telah dewasa yang mahir membaca tetapi memilih untuk tidak membaca maka, mereka cenderung untuk menghasilkan generasi pembaca yang tidak berilmu pengetahuan.

Institusi sekolah yang dianggap sebagai gedung ilmu perlu mengutamakan budaya membaca, budaya mencatat, budaya berdiskusi, budaya penerokaan dan budaya berfikir dalam diri setiap pelajar secara optimum (Hamedah Wok Awang & Normah Teh, 2009). Budaya membaca perlu diterapkan di sekolah kerana membaca merupakan aspek utama kepada penerokaan ilmu pengetahuan (Annamalai & Muniandy, 2013; Cuevas, Russell, dan Irving, 2012; Raja Abdullah Yaacob, 2011), asas pendidikan dan nadi pembelajaran sendiri (Busayo, 2011; Dai, 2013) dan alat untuk pembelajaran sepanjang hayat (Busayo, 2011; Chen, 2009; Azlin Norhaini Mansor, Mohd Sattar Rasul, Rose Amnah Abd Rauf, & Koh, 2012; Sullivan, 2010).

Oleh itu, budaya membaca haruslah subur dan menjadi budaya yang positif dan berkembang disegenap ruang sekolah sama ada dalam bilik darjah, pusat sumber sekolah, bilik guru, malah di ruang-ruang koridor mahupun kantin sekalipun di mana institusi sekolah dan guru-guru menjadi agen sosialisasi penggerak pelaksanaannya. Inderjit (2014) menambah pembangunan kemahiran membaca tidak hanya di dalam bilik darjah tetapi juga dalam lingkungan sosial iaitu di rumah, komuniti yang merangkumi perpustakaan sekitarnya.





Dari prespektif yang berbeza, teknologi dilihat telah mempengaruhi tingkahlaku remaja seperti yang dinyatakan oleh Chauhan dan Lal (2012), Issa et al. (2014), Saaid dan Wahab (2014), Sampath Kumar dan Basavaraja (2016) dan Kumara dan Sampath Kumar (2018) internet mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan di mana internet menjadi sumber utama bahan bacaan dan walaupun perkembangan internet yang pesat motivasi minat membaca tetap ada dalam membina tabiat membaca. Begitu juga dengan penerbitan *ebook* yang banyak dihasilkan untuk memudahkan pengguna mendapatkan maklumat melalui atas talian (Abdullah Fadli & Ahmad Ishak Md Sidin, 2016).

1.2 Latar Belakang Kajian



Melihat kepada senario pendidikan di Malaysia, sejak dari tahun 1956 hingga kini terdapat banyak tindakan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi mempertingkatkan mutu pendidikan negara. Antaranya Penyata Razak pada tahun 1956, Laporan Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961, Dasar Pendidikan Kebangsaan 1988, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 dan Pelan Induk Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang sedang berjalan. Kesemua pelaksanaan pelan mahupun program ini memberi penekanan terhadap pembangunan modal insan yang memfokuskan kepada peningkatan taraf pendidikan dan pengetahuan murid sekolah.

Selain itu, sokongan daripada pelbagai program juga membantu mempertingkatkan penguasaan kemahiran membaca seperti memperkenalkan





program KIA2M iaitu Program Intervensi Kelas Awal Membaca dan Menulis yang berakhir pada tahun 2009 dan diganti dengan LINUS iaitu 3M (membaca, menulis dan mengira). Ini kerana pendidikan adalah tulang belakang kepada negara maju dan tiada pendidikan lestari tanpa budaya membaca (Benson, 2017).

Program NILAM juga telah dilaksanakan pada tahun 1998 bagi menggalakkan murid-murid membaca. Antara tujuan program NILAM adalah untuk meningkatkan minat membaca yang berterusan dan menjadikan amalan membaca sebahagian budaya hidup, Program Nilam ini juga diperlukan dan diberi penekanan sebagai persediaan ke arah kecemerlangan dalam *Programme for International Student Assessment* (PISA). Malaysia menyertai PISA pada tahun 2009 di mana Malaysia mendapat skor 414 pada tahun tersebut dan tahun 2012 dan 2015 masing-masing skor 398 dan 431 (Laporan Tahunan PPM 2016) dan tahun 2018, Malaysia mendapat skor sebanyak 415 (PISA 2018).

Pelbagai program-program lainnya juga dilaksanakan seperti literasi membaca, literasi maklumat, literasi teknologi dan banyak lagi sebagai pendorong dan pemangkin kepada pembentukan pelajar mahir membaca agar dijadikan amalan dan cinta kepada buku. Jika dilihat kadar literasi Malaysia pada masa ini berdasarkan data UNESCO ialah 95% dari keseluruhan rakyat Malaysia seramai 32 juta orang. Tabiat atau budaya membaca perlu penglibatan secara berterusan dan terbukti memberi kesan positif dan menjadi ketagih kepada pembaca (Ilogho & Michael-Onuoha, 2015). Di era globalisasi, perkembangan maklumat digital telah mengubah trend





membaca. Persekitaran digital telah mula mempengaruhi bagaimana seseorang membaca dan juga penggunaan teknologi digital dalam penyebaran maklumat.

Kesemua pelaksanaan yang telah dijelaskan di atas perlu menggunakan satu medium untuk menjayakannya. Medium tersebut adalah buku yang memberikan pengetahuan kepada seseorang untuk berpengetahuan sama ada dalam bentuk bercetak mahupun digital. Seperti yang dijelaskan oleh Siti Ezaleila Mustafa dan Azizah Hamzah (2014) mengatakan kepentingan buku sebagai alat komunikasi dalam proses memindahkan idea, sikap, dan imej tidak boleh diketepikan. Walaupun buku ini bukanlah satu keperluan asas manusia dalam kehidupan harian, akan tetapi buku sentiasa digunakan sebagai sumber maklumat, keselesaan, dan keseronokan kepada mereka yang memerlukannya (Anas Alam Faizli, 2013). Malah, buku sering dilihat sebagai produk budaya yang memainkan peranan yang penting dalam perkembangan minda manusia (Nurul Shahira Salim, 2013; Tiew Wai Sin, 2010; Tamam Timbang, Zambri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Jamaluddin Badushah, 2010). Menurut Siti Ezaleila Mustafa (2015) dan Riris (1983), "buku adalah unsur-unsur penting dalam 'industri budaya' serta 'normatif unsur-unsur' dalam seni dan penghantaran budaya." (1:9 ms).

Perbuatan seseorang iaitu membaca adalah satu proses di mana seseorang berupaya untuk mengamati, mengingat, mendengar dan menyebut lambang huruf dengan tepat dan jelas (Siti Hajar Abdul Aziz, 2009). Manakala Raja Abdullah Raja Yaacob (2008) menjelaskan membaca adalah satu kemahiran atau kebolehan untuk menterjemah huruf atau ayat-ayat kepada makna supaya dapat difahami dan dihayati





sebagaimana yang hendak disampaikan oleh penulis. Secara asasnya, proses membaca mempunyai tiga kategori iaitu membaca untuk hiburan (Inderjit, 2014), membaca untuk mendapatkan maklumat dan membaca untuk mengetahui hakikat sesuatu perkara (Mohd Yusof Othman, 1994). Marohaini Yusoff (1999) juga menyatakan Harris dan Sipay mendefinisikan membaca sebagai proses untuk memperoleh tafsiran yang bermakna tentang lambang-lambang bercetak dan bertulis.

Bignold (2003) menerangkan aktiviti membaca sebenarnya mempunyai pengaruh yang besar dalam personaliti seseorang. Kanak-kanak yang membaca untuk keseronokan dan hiburan secara tidak langsung dapat memperbaiki kemahiran bahasa mereka dan memahirkan diri dalam membaca serta dapat meluaskan pengetahuan. Kemahiran membaca juga membolehkan pelajar menguasai kemahiran menulis (Annamalai & Muniandy, 2013; Bates, 2009; Guthrie, Wigfield, VonSecker, 2000) dan mencapai tahap penguasaan bahasa yang baik (Azlin Norhaini Mansor et al., 2012). Perbuatan membaca untuk keseronokan dan untuk tujuan pendidikan telah didapati menyumbang secara meluas untuk kemahiran membaca kanak-kanak tersebut dan dapat meningkatkan proses pergaulan sosial mereka di dalam masyarakat (Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah, 2014).

Hasil laporan Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2005 (oleh Perpustakaan Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia, 2005) menyatakan, rakyat Malaysia membaca lebih kurang 8 hingga 12 buah buku setahun pada tahun 2005 berbanding tahun 1996 hanya 2 buah buku setahun. Begitu juga dengan kadar minat membaca rakyat Malaysia tahun 2014 sebanyak 95% berbanding dengan tahun





2005 iaitu 90% manakala jumlah naskah buku juga telah meningkat sebanyak 15 buah buku. Hasil data tersebut menunjukkan keberhasilan yang baik kerana kesedaran rakyat Malaysia terhadap membaca dilihat meningkat dan positif. Ditambah dengan ramainya pengunjung di pesta-pesta buku yang diadakan seperti Pesta Buku Antarabangsa setiap tahun menunjukkan pertambahan pengunjung iaitu perbandingan tahun 1982 (100,000 orang), 2015 (2.5 juta orang) (freemalaysiatoday, 2016). Pada tahun 2017 terdapat penurunan sedikit kepada 1.8 juta kerana terdapat banyak pesta buku diadakan setiap tahun dan bukan hanya tertumpu kepada Pesta Buku Antarabangsa sahaja.

Walau bagaimanapun, bagi Christopher Teh Boon Seng (2010) mengatakan peningkatannya agak mendadak dengan jumlah buku yang dibaca oleh rakyat Malaysia jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti UAE (0.02), Mexico (0.5), Chile (1), Filipina (3), USA (5), Jepun (10), Perancis (10) dan Kanada (10). Christopher tidak menafikan data kajian yang menunjukkan rakyat Malaysia membaca 8 hingga 15 buah buku setahun tetapi angka ini tidak menggambarkan situasi sebenar masa kini jika dilihat secara realitinya. Di mana Christopher menyatakan rakyat Malaysia jarang ataupun tidak sama sekali dilihat membaca di mana-mana kawasan melainkan di tempat yang mempunyai kemudahan penyediaan bahan bacaan seperti perpustakaan, kedai buku, expo buku dan pusat informasi.

Keadaan ini disokong oleh kenyataan Nik Mohamed Hussien Nik Ali (2013) dalam artikelnya di Utusan Melayu menyatakan di Malaysia budaya membaca belum dilihat di tempat-tempat awam kerana mungkin disebabkan sifat ketimuran yang





pemalu, tidak bongkak dan tidak menunjuk-nunjuk kepandaian masih menebal dalam kalangan masyarakat. Begitu juga dengan Wan Zah Wan Ali et al. (2005) dalam dapatan kajian mereka, tabiat membaca pelajar Malaysia secara keseluruhannya masih berada pada tahap kurang memuaskan.

Raja Abdullah Raja Yaacob (2013) pula menyatakan bahawa hasil kajian tentang tabiat membaca menunjukkan masyarakat masih kurang membaca walaupun, tahap literasi masyarakat dari segi kebolehbacaan negara ini adalah tinggi tetapi tahap literasi maklumat mereka adalah rendah. Keadaan ini berkemungkinan oleh faktor keengganan seseorang untuk membaca walaupun mereka mahir membaca seperti yang dinyatakan oleh Inderjit (2014). Mengotimumkan waktu membaca bukanlah perkara baru ataupun trend kerana membaca sudah diamalkan dalam pembelajaran formal dan tidak formal namun, dengan perkembangan teknologi menyebabkan masyarakat kurang bijak dalam memanfaatkan waktu terluang untuk membaca sehingga tidak diamalkan dalam kehidupan harian (Wael Abdi, 2018).

Daripada hasil kajian oleh Farida (2012), beliau mengenal pasti bahawa mahasiswa di Indonesia tidak membaca disebabkan beberapa faktor iaitu tugas-tugas kuliah tidak menuntut mahasiswa untuk membaca lebih banyak, perpustakaan tidak mempunyai koleksi yang mencukupi, membaca belum menjadi budaya mahasiswa, kegiatan luar mahasiswa yang banyak dan membuat mereka selalu sibuk dan adanya perasaan malu jika membaca dan diejek oleh rakan mereka.





Faktor penyebab yang paling dominan adalah faktor dalaman diri seseorang yang mempunyai sikap malas membaca di mana hasil kajiannya menunjukkan tidak seorang responden yang mempunyai kebiasaan untuk membaca (Farida, 2012 dan Inderjit, 2014). Begitu juga dengan Kumara dan Sampath Kumar (2018) mengatakan kebanyakan pelajar membaca buku untuk persediaan peperiksaan sahaja dan amat sedikit pelajar membaca untuk meneruskan pengajian mereka. Mereka juga lebih cenderung kepada penggunaan teknologi maklumat seperti media sosial yang lebih menarik dan mudah diperoleh.

Pemupukan budaya membaca amat perlu dilaksanakan sejak di bangku sekolah rendah lagi dalam mewujudkan masyarakat ilmu dan berfikiran terbuka.

Seperti Anuar Ridhwan (2013) ada menyatakan generasi Y atau muda mula menjauhkan diri daripada budaya cetak (bahan-bahan buku) dan lebih menggemari bahan-bahan dari internet kerana beberapa sebab iaitu:

- i. Generasi muda yang kurang berada (taraf ekonomi yang rendah) sama ada di bandar mahupun luar bandar.
- ii. Buku bukanlah satu keutamaan untuk dibeli lebih-lebih lagi apabila tradisi membaca buku belum membudaya dengan kuat dalam masyarakat kita.
- iii. Generasi muda lebih berminat dengan kemudahan komunikasi teknologi terkini seperti Internet yang boleh diakses di mana-mana sahaja kerana kemudahan tersebut amat mudah dan senang diperolehi malah percuma untuk





diakses. Ipod, Iphone dan gajet lain menjadi pilihan berbanding buku yang mula dijaui oleh golongan generasi muda.

Bagi generasi Z pula, iaitu generasi yang ditafsirkan sebagai generasi lahir selepas tahun 1993. Menurut Cosbanka (2016), generasi Z bukannya kurang membaca tetapi mereka membaca menggunakan pelbagai cara berbeza iaitu mereka lebih kepada membaca dari pelbagai bentuk maklumat pada masa serentak. Mereka membaca bahan bacaan seperti buku, maklumat dalam talian dan media sosial. Walau bagaimanapun, Generasi Z dan Y pada masa kini lebih cenderung kepada penggunaan kemudahan teknologi komunikasi terkini yang banyak menyediakan bahan-bahan bacaan dengan capaian mudah dan pantas.



1.3 Pernyataan Masalah

Dalam meneliti jurang empirikal kepada kajian yang telah dilakukan sebelum ini menunjukkan kajian berkaitan membaca adalah kurang dan masih terhad. Jika ada pun kajian di Malaysia dijalankan berkaitan dengan kecenderungan seseorang membaca untuk tujuan apa, masa yang diluahkan untuk membaca dan jenis bahan apa dibaca dan tidak menekankan nilai budaya yang dijadikan sebagai budaya sekolah, masyarakat mahupun sesebuah negara. Ada beberapa kajian ilmiah yang telah dijalankan untuk mengenal pasti tabiat membaca di Malaysia. Antaranya ialah kajian mengenai membaca yang telah dijalankan ke atas murid sekolah seperti kajian





oleh Muhamad Sukran (2011), Tamam Timbang et al. (2011), Manimaran Palaniappan (2008), Wan Zah Wan Ali et al. (2005) dan Inderjit (2014).

Kajian membaca dalam kalangan pelajar sekolah menengah pula oleh Khairiyah Ghazali (2005), pelajar institut pengajian tinggi oleh Szarina Abdullah et al. (2005) serta Yusof Boon dan Rohaizad Selemin (2010). Kebanyakannya mentafsirkan budaya membaca dengan melihat kepada jumlah buku yang dibaca, jenis bahan yang dibaca, penglibatan peserta dalam program-program yang dianjurkan dan faktor-faktor yang mempengaruhi tabiat membaca responden.

Jika disemak kajian-kajian yang dilaksanakan berkaitan “budaya membaca” di Malaysia didapati hanya tiga kajian diperoleh melalui Scopus (disemak pada Jun 2018). Begitu juga pencarian menggunakan kata kunci “tabiat membaca” sebanyak 23 artikel dan kata kunci “membaca” sebanyak 2,058 artikel. Dari segi penyelidikan akademik pencarian melalui Portal MyTO pula menunjukkan kajian berkaitan budaya membaca hanya satu yang telah dilaksanakan pada tahun 2010 diperingkat PhD iaitu berkaitan dengan budaya membaca Bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah rendah di Terengganu. manakala, kata kunci “tabiat membaca” sebanyak 14 kajian dan “membaca” sebanyak 592 kajian yang kebanyakannya hanya diperingkat sarjana dan tidak memfokuskan kepada budaya membaca secara khasnya.

Oleh itu, berdasarkan kajian-kajian ilmiah dan data-data seperti yang dinyatakan, masih terlalu kabur untuk dinyatakan bahawa terdapat kajian yang secara jelas meneliti dengan mendalam mengenai budaya membaca itu sendiri. Apakah





sebenarnya yang dimaksudkan dengan budaya membaca tidak diperincikan. Apakah yang dimaksudkan dengan budaya membaca berdasarkan indikator-indikator yang ditunjukkan. Kurang jelas sama ada budaya membaca adalah salah satu budaya dalam kelompok budaya sekolah masa kini mahupun dalam masyarakat Malaysia amnya.

Justeru, kajian ini cuba untuk mengenal pasti, meneroka dan meneliti sama ada pihak sekolah melaksanakan penerapan amalan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah rendah dengan melihat kepada takrifan budaya itu sendiri. Kajian ini boleh dijadikan panduan kepada keberkesanan sesebuah sekolah yang mungkin menarik minat lebih ramai murid sekolah terutama sekolah rendah yang menjadi asas kepada pembentukan karektor kanak-kanak sebelum melangkah ke alam yang lebih tinggi.



Seperti yang dinyatakan oleh Kachala (2007), Lehnhard (2012) dan Parry (2009) bahawa keperluan untuk mengembangkan budaya bacaan menjadi frasa yang popular di Afrika. Bagaimana budaya sekolah dapat mengadunkan budaya membaca menjadi sebahagian budaya sekolah. Budaya membaca perlu menjadi sebahagian daripada kehidupan harian di mana bahan bacaan yang mencukupi dan sesuai dengan kehendak pembaca (Johanessen, 2014). Ini kerana Blank, (2006), Ogunrombi dan Gboyega (1995) serta Birkerts (1995) menyatakan kanak-kanak yang tidak membaca dengan baik diperingkat rendah lebih cenderung menjadi lemah ketika meningkatkan dewasa.





Keadaan ini diakibatkan lagi dengan corak pengajaran oleh guru yang tidak menarik dan membosankan Ogunrombi dan Gboyega (1995) dan juga perkembangan persekitaran digital yang pesat (Birkerts, 1994). Begitu juga untuk mengenal pasti apakah yang dimaksudkan dengan budaya membaca dalam konteks murid sekolah diperincikan. Oleh itu, kajian ini memberi fokus kepada budaya membaca di sekolah, komitmen sekolah dalam membudayakan amalan membaca dan aktiviti ataupun program yang dapat membentuk budaya membaca di dalam budaya sekolah.

1.4 Objektif Kajian

- i. Meneroka penerapan budaya membaca dalam perspektif sekolah rendah.
- ii. Melihat ciri-ciri budaya membaca yang diamalkan oleh murid sekolah rendah.
- iii. Mengetahui penglibatan sekolah dalam memupuk budaya membaca murid di sekolah rendah.
- iv. Mengetahui faktor pemupukan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah rendah.





- v. Mengenal pasti keperluan dalam pemupukan budaya membaca dalam era kemajuan teknologi maklumat.

1.5 Soalan Kajian

- i. Bagaimanakah penerapan budaya membaca dalam perspektif sekolah Malaysia?
- ii. Apakah ciri-ciri budaya membaca yang diamalkan oleh murid sekolah rendah?



- iii. Bagaimanakah penglibatan sekolah dalam memupuk budaya membaca murid di sekolah rendah?
- iv. Apakah faktor-faktor yang perlu dalam pemupukan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah rendah?
- v. Apakah keperluan dalam pemupukan budaya membaca dalam era kemajuan teknologi maklumat?





1.6 Kerangka Konseptual

Penyelidikan ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan pandangan-pandangan, kefahaman-kefahaman dan nilai-nilai daripada informan yang dipilih. Kerangka konseptual yang dirangka didasari oleh teori sosiologi iaitu teori budaya yang diperkenalkan oleh Pierre Bourdieu (1930-2002). Teori Bourdieu yang terkenal adalah teori budaya yang merangkumi konsep habitus, lapangan dan modal. Ketiga-tiga perkara ini bersangkut paut dalam menjelaskan teori budaya.

Pierre Bourdieu adalah seorang sosiologi yang menerangkan teori budaya yang merangkumi teori modal budaya (capital culture), simbolik dan sosial, konsep habitus serta konsep lapangan (field) (Jenkins, 1992). Teori Bourdieu banyak membincangkan aspek sosial masyarakat bagaimana ianya mempengaruhi kehidupan masyarakat tersebut melalui teori-teori beliau. Bourdieu menerangkan teori budaya dalam konsepnya iaitu Habitus sebagai kebudayaan yang diturunkan secara turun temurun dari nenek moyang yang menjadikannya satu kebiasaan dalam kehidupan. Habitus diperoleh oleh seseorang melalui proses yang panjang dalam dunia sosial (Bourdieu, 1981, 1993, 2011; Ritzer, 2003; Ritzer & Goodman, 2010). Proses perkembangan habitus ini berlaku dalam lingkungan sekolah, kelompok keluarga, masyarakat, negara dan sebagainya.

Manakala konsep Lapangan (field) pula adalah persekitaran yang mempengaruhi struktur sosial (habitus) seseorang melalui modal budaya yang






terdapat dalam sebuah lapangan sosial masyarakat (Bourdieu, 1993). Habitus berhubungkait dengan lapangan di mana habitus sebagai kompenan sesuatu lapangan, dan lapangan tersebut yang mengekalkan habitus (Packer, 2017). Justru pengaruh sekeliling dalam membentuk seseorang murid amat penting dalam proses ini. Bourdieu menggunakan konsep lapangan sebagai tempat seseorang mengajar sesuatu kelebihan yang diingini (Hidayat, 2010).

Begitu juga dengan Modal, dalam modal budaya Bourdieu menyatakan bahawa kelas sosial dan pencapaian pendidikan adalah amat berkaitan dalam aktiviti kebudayaan seperti membaca buku, membeli, menonton pawagam, teater dan konsert serta melawat muzium (Bourdieu & Boltanski, 1981, ms. 490-492). Penyediaan prasarana yang lengkap dan terkini membolehkan masyarakatnya mendapat pengetahuan dan dapat membentuk habitus seseorang kepada lebih baik dan boleh bersaing antara satu sama yang lain.

Dalam prespektif Bourdieu, terdapat empat (4) modal yang berperanan dalam sesuatu masyarakat untuk menentukan perubahan sosial masyarakat tersebut iaitu ekonomi (peruntukan), sosial, simbolik (penghargaan) dan budaya (minda) (Bourdieu, 2011). Modal ekonomi merujuk kepada kewangan dan apa jua keupayaan kewangan yang ada. Modal sosial pula adalah rangkaian ataupun hubungan seseorang dari segi cara pergaulan dalam mendapatkan sesuatu untuk diri mereka. Modal budaya pula adalah sikap, kepercayaan, kelayakan pendidikan, nilai, citarasa, dan tingkah laku individu atau kumpulan yang berbeza dari individu dan kumpulan lain (Bourdieu, 2011).



Dalam Kajian ini pengkaji memfokuskan kepada lingkungan sekolah rendah yang dipilih untuk menjalankan kajian pemupukan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah rendah. Kerangka konseptual kajian ini dibina bagi menjelaskan objektif dan soalan kajian seperti Rajah 1.1 berikut:



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual

Berdasarkan kepada kerangka konseptual yang dibina pengkaji menggambarkan lingkungan sekolah adalah seperti padang bola iaitu mewakili konsep lapangan merangkumi guru-guru sebagai agen sosialisasi, murid sekolah rendah adalah habitus dan modal budaya adalah prasarana yang disediakan di sekolah. Dengan merujuk kepada teori budaya, murid sebagai subjek utama yang mempunyai habitus iaitu sifat, norma dan citarasa yang berfungsi setiap masa sebagai matriks



persepsi, penghargaan, dan tindakan (Bourdieu, 1992). Manakala lapangan pula adalah dalam persekitaran sekolah rendah yang mengandungi institusi pembelajaran seperti peraturan sekolah, sistem kurikulum, jadual pembelajaran dan warga sekolah. Persekitaran sekolah yang dapat mempengaruhi komuniti di dalamnya sama ada dalam bentuk positif mahupun negatif. Persekitaran sekolah ini digerakkan oleh agen sosialisasi iaitu guru, rakan sebaya dan juga sekolah itu sendiri (sistem pentadbiran) iaitu peraturan sekolah dan kurikulum sebagai satu budaya sekolah.

Modal pula adalah menggunakan modal budaya, di mana modal budaya mempunyai tiga bentuk iaitu anugerah seperti pengetahuan, kemahiran dan sikap yang tidak boleh dipindahkan kepada seseorang jika tidak diajar dan dipupuk oleh guru-guru. Kedua iaitu kebendaan seperti buku, kemudahan prsarana dan lain-lain. Ketiga adalah institusi di mana institusi mengiktiraf kelayakan seseorang dalam akademik. Melalui modal budaya ini akan dapat memupuk budaya membaca murid sekolah rendah melalui agen-agen sosialisasi yang dinyatakan seperti institusi sekolah, guru dan rakan sebaya (Mohd Yusof Othman, 1994) di mana agen-agen ini memainkan peranan penting dalam pemupukan dan pembentukan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah rendah di mana sesuatu proses pembelajaran budaya adalah dikenali sebagai proses sosialisasi (Hamidah Abdul Rahman, Norlin Ahmad & Shah Rolah Abdul Wahab, 2009).

Dalam proses pemupukan dan pembentukan budaya membaca, agen-agen sosialisasi akan memindahkan karektornya atau pengetahuannya (modal budaya) kepada murid-murid sekolah rendah supaya setiap apa yang diberi menjadi panduan





dan ikutan murid sekolah (habitus). Setiap apa yang diperoleh oleh murid sekolah rendah akan mendapat penghargaan jika mencapai tahap yang diinginkan. Walaupun agen sosialisasi terpenting adalah keluarga, tetapi peranan di sekolah dititik beratkan kerana murid sekolah rendah banyak menghabiskan masa di sekolah dan pengaruhnya amat besar jika dimanfaatkan. Peranan keluarga dan media massa juga penting tetapi tidak dijadikan sebagai asas dalam kajian ini.

Proses sosialisasi adalah amat penting untuk difahami, setiap manusia mengalami proses sosialisasi bermula daripada zaman kanak-kanak hinggalah peringkat dewasa. Proses ini tetap berlaku dan akan mencorak keperibadian seseorang kerana seseorang perlu berhubung antara satu sama lain (Mohd Salleh Lebar, 1998). Kanak-kanak banyak menghabiskan masa mereka di sekolah oleh itu pengaruh sekolah amat penting dan perlu untuk membentuk murid-murid ke arah perkara positif dan bermanfaat untuk masa hadapan mereka. Perhubungan yang positif akan membentuk sahsiah dan ikatan yang positif dalam masyarakat ataupun kelompok begitu juga jika perhubungan sebaliknya. Sekolah sebagai institusi yang besar banyak memainkan peranan dalam mempengaruhi murid-murid sekolah dan amat perlu dalam pembentukan sosialisasi yang sihat seperti pemupukan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah.

Setiap sekolah yang diurus selia oleh pentadbir sekolah mengidamkan sekolah mereka menjadi sekolah cemerlang yang melahirkan murid-murid berjaya dalam bidang akademik mahupun kokurikulum. Kepimpinan pentadbir sekolah mampu meningkatkan tahap pembacaan pelajar (Spector & Jay, 2011) dan merupakan ejen





perubahan mengatasi krisis amalan membaca yang berlaku di sekolah (Ayers & Miller, 2009; Mohd Nazri Latif Azmi, 2013; Raja Abdullah Yaacob, 2011). Sekolah perlu dijadikan tempat selesa untuk bekerja dan belajar (Amir Hasan Dawi, 2006; 2009) di mana sesebuah sekolah yang mempunyai budaya sekolah berdisiplin tinggi dapat mencapai kecemerlangan yang ditetapkan. Sekolah merupakan institusi pendidikan kompleks yang diterajui oleh guru besar ataupun pengetua. Kepimpinan guru besar dan pengetua merupakan indikator keberkesanan sesebuah sekolah (Bickmore & Dowell, 2015; Crum, Sherman, & Myran, 2009; Hallinger, Bickman, & Davis, 2011; Hallinger & Murphy, 1985). Oleh itu, budaya membaca adalah salah satu budaya yang memerlukan pengamalannya mempunyai disiplin tinggi dan teratur supaya pemupukan budaya membaca dapat dilaksanakan dengan jayanya.



Pengamalannya iaitu murid sekolah rendah harus melatih otak untuk menyerap informasi yang terbaik secara konsisten dalam kondisi dan waktu tertentu tanpa dibebani oleh perkara seperti ketidak upayaan kesihatan dan berfikir. Pemerkasaan Pusat Sumber Sekolah (PSS) adalah satu perkara penting di mana pusat sumber ini berperanan untuk membantu mempertingkatkan taraf pendidikan dan penguasaan murid dalam pembelajaran mereka (Kachala, 2007).

Dalam kajian Lulu-Pokubo dan Akanwa (2017) mendapati terdapat hubungan yang positif terhadap pemupukan tabiat membaca pelajar sekolah dengan mengunjungi pusat sumber secara berkala. Hubungan yang signifikan antara ketersediaan sumber maklumat melalui pusat sumber sekolah dan tabiat membaca





pelajar dan yang penting hubungan antara penggunaan pusat sumber sekolah dan tabiat membaca pelajar. Bukan sahaja budaya membaca dipengaruhi oleh agen sosialisasi dalam sekolah malah, keluarga dan media massa juga dilihat sedikit sebanyak membantu proses budaya membaca berlaku. Peranan keluarga dan media massa juga dilihat berupaya menyokong usaha institusi pendidikan dalam memupuk dan membentuk budaya membaca dalam kalangan murid sekolah secara mendalam kerana impaknya adalah besar mempengaruhi murid-murid sekolah. Tabiat membaca sebahagian besarnya berkembang pada masa muda, orang yang tidak membaca untuk keseronokan, mengisi masa lapang dan sebagai hobi di masa muda, mereka tidak mungkin melakukan banyak perkara ketika mereka menjadi lebih tua (dewasa) (Johannessen, 2014).



Oleh itu, penelitian terhadap agen-agen sosialisasi iaitu institusi sekolah, guru dan rakan sebaya dalam membantu proses penerapan budaya membaca murid sekolah rendah dilakukan. Walaupun kajian ini lebih menumpukan persekitaran dalam sekolah, peranan luaran sekolah (keluarga dan media massa) juga dilihat dan diteliti bagi memperkukuhkan lagi data dan maklumat kajian agar hasil kajian pengkaji dapat dilihat secara menyeluruh dan mendalam.





1.7 Kepentingan Kajian

Dengan adanya kajian secara mendalam berkaitan budaya membaca secara kritis dan holistik yang dilihat dari sudut pemupukan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah, diharap dapat memberi sumbangan dalam bidang pendidikan di Malaysia khususnya. Berikut adalah beberapa perkara yang dapat diberikan oleh kajian ini seperti:

- i. Hasil kajian ini dapat memberi maklumat berguna kepada semua pihak yang berkaitan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dalam bidang pembacaan khususnya mengenai budaya membaca dalam kalangan murid sekolah. Kelangsungan daripada itu, ianya dapat melihat secara terperinci keperluan dan kekurangan yang perlu ditambah baik supaya berjaya membentuk budaya membaca masyarakat Malaysia amnya dan murid sekolah khususnya secara holistik.
- ii. Dapatan kajian ini penting agar pihak kementerian pendidikan tidak terlepas pandang dalam membentuk aktiviti membaca sebagai satu budaya. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu untuk memperbaiki beberapa aspek kelemahan dan mengatasi masalah membaca ini dan bukan hanya perancangan tanpa bersandarkan kepada apa-apa kajian.
- iii. Kajian ini akan menghasilkan maklumat baru dan empirikal dalam bidang pembacaan dan pendidikan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk mengkaji





bidang-bidang berkaitan dengan budaya membaca. Dengan adanya maklumat ini akan memudahkan pengkaji untuk membuat perancangan serta strategi yang sesuai untuk menjayakan kajian mereka.

- iv. Kajian ini juga dapat memberi kesedaran semasa kepada masyarakat tentang kepentingan membaca dalam meningkatkan ilmu pengetahuan. Hanya melalui pembacaan seseorang dapat memupuk dan membentuk minda yang unggul dan berpengetahuan tinggi.
- v. Dari sudut kepentingannya kepada bidang sosiologi khususnya sosiologi pendidikan kajian ini merupakan suatu usaha mengkaji budaya membaca secara mendalam yang tidak pernah dibuat sebelum ini di Malaysia.



- vi. Dapat menyumbang kepada bidang sosiologi pendidikan yang boleh digunakan dalam konteks pendidikan di Malaysia. Penekanan terhadap kajian kualitatif untuk melihat kepentingan budaya membaca dapat diperkembangkan. Hubungkait diantara budaya dan membaca dapat diterangkan dalam konteks berbeza. Kebanyakan kajian ilmiah yang dijalankan di Malaysia hanya melihat data-data dalam bentuk peratusan mengenai membaca iaitu menggunakan kajian kuantitatif. Sepanjang semakan pengkaji, adalah kurang kajian ilmiah mengenai budaya membaca dan tafsiran terhadapnya dilakukan di Malaysia.





- vii. Hasil kajian ini kelak dapat menghasilkan konsep baru tentang budaya membaca di Malaysia.

1.8 Batasan Kajian

Bagi memastikan kajian ini lebih menjurus kepada objektif kajian, pengkaji telah membataskan kajian dengan melihat budaya membaca berdasarkan teori budaya itu sendiri supaya lebih difahami dan didalami kajian mengenainya. Kajian ini hanya menumpukan kepada murid sekolah rendah dengan meneliti proses sosialisasi dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan murid sekolah rendah. Kajian ini juga terbatas kepada sebuah sekolah rendah yang dipilih sahaja. Jika berdasarkan sampel kajian dengan hanya melihat kajian di sebuah sekolah rendah ianya kurang memberikan generalisasi yang tepat secara keseluruhan fenomena di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian ini dapat memberikan fenomena sebenar yang berlaku di sebuah sekolah rendah dan ianya mungkin berlaku di sekolah rendah yang lain.

Sampel kajian dibataskan kepada sebuah sekolah rendah bersesuaian dengan tujuan penelitian dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan murid sekolah rendah secara mendalam. Sekolah rendah yang dipilih terletak di penempatan yang mempunyai komposisi kaum yang pelbagai iaitu Melayu, Cina dan India. Sekolah rendah ini mempunyai murid pelbagai kaum dan tentunya sekolah rendah ini adalah sekolah kebangsaan (SK). Kajian ini bukan bertujuan membuat generalisasi tetapi lebih melihat kepada pemupukan budaya membaca dari sudut teori berkaitan.





Dapatan data yang diperoleh bergantung kepada penglibatan informan yang dipilih untuk memberi maklumat yang diperlukan. Pengkaji menumpukan kajian dengan meneliti kepelbagaian dapatan data yang mungkin berbeza-beza berdasarkan kepada demografi murid seperti berlainan etnik (Melayu, India, Cina), pelbagai variasi sosio-budaya, sosio-ekonomi dan latar belakang pendidikan keluarga serta perkara-perkara lain jika perlu untuk dikaitkan.

Kajian ini telah dijalankan selama tiga (3) bulan iaitu pada September hingga Oktober 2013 dan di sambung pada Januari 2014. Ini kerana pada bulan Disember sekolah bercuti akhir tahun. Kajian yang dilaksanakan menggunakan kaedah kajian kes dengan mengutip data melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Walau bagaimanapun, ianya terhad kepada kehadiran murid ke sekolah dan masa lapang murid jika ketiadaan guru. Pengkaji tidak mengganggu proses pembelajaran yang sedang berlaku dan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh sekolah tersebut.

Beberapa kekangan yang berlaku semasa proses kutipan data adalah seperti sesetengah murid tidak fokus kepada pertanyaan yang diajukan dan tidak memberi kerjasama. Masa yang terhad kerana sekolah padat dengan jadual pembelajaran dan masa rehat yang diperuntukkan hanya lebih kurang 15 ke 20 minit sahaja. Proses kutipan data Informan hanya boleh dilaksanakan bila masa rehat. Keadaan ini kerana, masa pembelajaran murid adalah proses belajar yang menggunakan buku sebagai medium pembelajaran. Situasi ini menunjukkan bahawa murid sekolah rendah membaca dan membuat kerja sekolah.





1.9 Definisi Istilah

Bahagian ini membincangkan pengertian istilah/konsep yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan bagi memberikan pemahaman lebih mendalam terhadap istilah-istilah yang kerap digunakan dalam kajian ini. Istilah-istilah tersebut merangkumi budaya, membaca, budaya membaca, murid sekolah rendah, sekolah rendah dan pusat sumber sekolah.

1.9.1 Budaya

Dari sudut estimologi, budaya dari akar kata yang tersusun daripada dua perkataan yang terpisah iaitu “budi” dan “daya”. Kalimah “budi” bererti cahaya atau sinar yang terletak di dalam batin manusia. Perkataan “daya” bertalian dengan upaya iaitu usaha, keaktifan manusia melaksanakan dengan anggotanya apa yang digerakkan oleh budinya.

Menurut Mohd Yusof Othman (1994), budaya bermaksud menjadikan sesuatu itu amalan, ajaran dan anutan seseorang atau masyarakat. Mohd Jonit Mohd Johari (1993) menyatakan Linton mendefinisikan budaya sebagai segala yang dipelajari dan diulangi dalam masyarakat iaitu warisan sosial masyarakat. Robiah Kulop Hamzah (1993) juga membicarakan tentang budaya sebagai cara hidup yang menjadi sendi sesuatu bangsa. Mohd Salleh Lebar (1998) juga mentakrifkan budaya sebagai kelakuan manusia berdasarkan kelompok-kelompok tertentu yang merangkumi dari





aspek pemikiran, sikap, kepercayaan dan tindakan yang mana ianya menggambarkan cara hidup seharian.

Terdapat tiga (3) unsur penting yang mempengaruhi budaya seperti yang diterangkan oleh Mohd Salleh Lebar (1998) iaitu sistem, nilai dan kebiasaan persekitaran. Secara amnya, budaya tidak boleh dibentuk dalam masa sehari atau seminggu, ia memerlukan masa yang panjang dan berterusan untuk menjadikan sesuatu perkara yang dipelajari menjadi budaya masyarakat. Hamidah Abdul Rahman et al. (2009) ada menggariskan ciri-ciri budaya iaitu dipelajari, dikongsi, diwarisi, berubah, sejagat, simbolik, system berpelembagaan, berpola, berstruktur dan pandangan dunia.



Cho Minsung dan Puteri Roslina Abdul Wahid (2016) mengatakan apa-apa

sahaja yang berhubung dengan manusia dan kehidupannya adalah budaya yang meliputi cara berfikir, cara bertindak, cara membuat sesuatu, cara bercakap, cara berpakaian, makanan, tempat tinggal, adat resam dan sebagainya. Wahyuni (2015) pula mengatakan budaya merupakan fikiran, akal budi, adat istiadat dan sesuatu yang sudah sukar diubah dalam jangka masa yang singkat. Bagi maksud budaya dalam kajian ini adalah sesuatu budaya yang diamalkan oleh murid sekolah rendah melalui proses sosialisasi dalam lingkungan budaya sekolah supaya menjadi amalan dan praktis dalam proses pembelajaran mereka.





1.9.2 Membaca

Membaca iaitu memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya (Kamus Dewan, ed. 4, 2005). Robert (1957) menyatakan membaca sebagai mengungkap pola-pola bahasa daripada bentuk tulisannya, manakala Siti Zawiyah Basri (1999) menyatakan bahawa Cohen dan Chomsky mentakrifkan membaca sebagai proses pembelajaran yang memerlukan asas bahasa yang kukuh. Raminah Sabran (1991) pula, menyatakan membaca lebih kompleks daripada bertutur. Pembaca mesti menguasai kemahiran lisan yang meliputi kemahiran mendengar dan bertutur dan seterusnya memiliki pengamatan penglihatan yang diskriminatif.



Zulkifley Hamid (1994) pula menghuraikan membaca sebagai pelaksanaan mekanis yang melibatkan pentafsiran makna secara aktif. Proses membaca merupakan proses dua hala iaitu pertama otak mendapat makna daripada teks yang dibaca dan kedua pengetahuan yang sedia ada dalam ingatan jangka panjang dipancarkan kepada teks untuk diperincikan dan diperkaya pentafsirannya. Manakala Wahyuni (2015) mentafsirkan membaca adalah melihat dan memahami isi dari apa yang ditulis (dengan melisankan atau hanya dalam hati), mengeja apa yang tertulis, mengucapkan, mengetahui, meramalkan, memperhitungkan dan memahami.

Dapatlah dirumuskan bahawa membaca merupakan proses penting bagi seseorang untuk mempelajari, mengetahui dan memahami keadaan sekeliling dengan lebih baik. Tanpa membaca pemikiran seseorang tidak akan dapat mentafsir sesuatu





perkara dengan lebih kritis dan hanya memahaminya melalui pemerhatian. Membaca dalam kajian ini merujuk kepada perlakuan murid sekolah rendah ketika luar waktu pembelajaran dalam kawasan sekolah dengan membaca apa jua bentuk medium bahan bacaan.

1.9.3 Budaya Membaca

Berdasarkan huraian maksud budaya dan membaca boleh disimpulkan bahawa budaya membaca adalah satu kebiasaan yang berlaku melalui proses berfikir yang kompleks seperti keupayaan memahami maksud perkataan-perkataan yang dibaca.

Budaya membaca adalah satu sikap, tindakan atau perbuatan yang kebiasaannya dilakukan secara berterusan melalui proses jangka waktu lama dan meluangkan masa panjang untuk membaca. Budaya membaca dapat dipupuk, dibina dan dikembangkan (Wahyuni, 2015) untuk tujuan-tujuan tertentu sama ada untuk keperluan sendiri mahupun tujuan yang lebih meluas seperti pendidikan, pekerjaan dan komuniti. Buku sama ada dalam bentuk bercetak atau tidak dilihat sebagai media transformasi dan penyebaran ilmu tanpa sempadan yang boleh diperolehi dan dibaca oleh seseorang.

Jonsson dan Olsson (2008) mengatakan budaya membaca sebagai budaya di mana tabiat membaca adalah satu kebiasaan, dihargai dan memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian dalam kalangan masyarakat yang mengamalkannya. Membaca dan menulis bukan sekadar sebahagian daripada satu





aspek kehidupan seperti di sekolah dan tempat kerja, tetapi diamalkan di rumah dan semasa waktu terluang. Apabila seseorang hanya menggunakan membaca dan menulis di sekolah semasa sesi pembelajaran, ia adalah sebahagian daripada budaya sekolah dan bukan budaya membaca.

Dalam konteks kajian ini, budaya membaca adalah budaya yang diamalkan oleh murid sekolah rendah dalam lingkungan persekitaran sekolah dan akan diamalkan luar sekolah, di rumah mahupun di mana sahaja jika mempunyai masa terluang disebabkan oleh pemupukan secara berterusan oleh guru-guru, ibu bapa dan diri sendiri kerana menyedari kesedaran pentingnya membaca.



1.9.4 Murid Sekolah Rendah

Murid merupakan golongan kanak-kanak yang berumur lingkungan 10 dan 12 tahun yang sedang belajar di sekolah rendah yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), murid bermaksud orang atau anak yang sedang belajar atau berguru. Selain itu, pelajar ataupun murid merupakan orang yang mengaji (menyelidiki ilmu) (Nor Hasliza Mohamed, 2012).

Merujuk kepada kajian ini murid sebagai informan yang dipilih daripada sekolah yang dikenal pasti. Dalam kajian ini, istilah ‘murid’ digunakan bagi mewakili responden kajian di sekolah rendah. Murid sekolah terdiri daripada murid tahap dua (2) diantara darjah empat (4) hingga enam (6).





1.9.5 Sekolah Rendah

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mendefinisikan sekolah sebagai tempat untuk belajar dan mengajar, tempat menerima dan memberi pelajaran. Sekolah adalah sebuah tempat untuk mengajar dan belajar, tempat untuk memberi dan menerima pendidikan formal. Mohd Salleh Lebar (1998) mendefinisikan sekolah sebagai institusi pendidikan yang berbentuk formal di mana ia boleh membentuk pemikiran, tingkah laku dan sikap murid-murid bagi melahirkan generasi seimbang baik dari segi mental dan rohaninya.

Sekolah dianggap sebagai pusat menimba ilmu khusus kepada kanak-kanak, bermula dari peringkat pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya peringkat tinggi. Bagi setiap kategori tersebut dikenali dengan nama-nama yang berlainan. Pra sekolah bagi kanak-kanak berusia 5 dan 6 tahun, sekolah kebangsaan atau sekolah rendah bagi peringkat 7 hingga 12 manakala sekolah menengah bagi peringkat usia 13-19 tahun (www.moe.gov.my). Dalam kajian ini, sekolah adalah sebuah Sekolah Kebangsaan yang dipilih sebagai lokasi kajian budaya membaca.

1.9.6 Pusat Sumber Sekolah (PSS)

PSS adalah sistem perkhidmatan untuk membolehkan semua warga sekolah mencapai matlamat kokurikulumnya. PSS lebih merupakan satu punca segala pergerakan dan aktiviti ke arah melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih





berkesan. IFLA/UNESCO (2006) menggambarkan perpustakaan sekolah ataupun pusat sumber sebagai pusat pembelajaran yang menyediakan bahan-bahan bacaan dan maklumat berasaskan pengetahuan. Jamaiah Osman (1995), mengatakan PSS adalah pengembangan dari perpustakaan sekolah sebagai tempat untuk koleksi bahan cetak dan juga bahan tidak bercetak.


PSS melengkapkan pelajar dengan menyokong pembelajaran sepanjang hayat serta dapat membangunkan kemahiran kreatif pelajar di mana PSS sebagai tempat yang menyediakan kemudahan serta koleksi bahan pengajaran dan pembelajaran yang diurus secara sistematis (Padlon Abdul Rahman, 2004). Dalam kajian ini, PSS adalah sebuah tempat bagi murid-murid dan guru-guru untuk mendapatkan bahan bacaan seperti buku dan juga bahan audio. Kemudahan PSS ini dapat menyokong proses pembelajaran murid dan proses pengajaran guru.

1.10 Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif dipilih kerana kaedah ini lebih sesuai untuk melihat persoalan kajian yang dikenal pasti secara mendalam. Ianya juga bertujuan mencari kelainan kepada kajian-kajian ilmiah sebelum ini yang kebanyakannya lebih menjurus kepada kajian kuantitatif. Perbahasan secara kritis dengan penggunaan kaedah kualitatif dalam kajian budaya membaca masih belum lagi meluas justeru penggunaan kaedah kualitatif dipilih.



Dalam kajian kualitatif ini kaedah pungutan data seperti temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen digunakan seperti Rajah 1. 2.



Rajah 1.2. Proses Kutipan Data Kajian.

1.11 Rumusan

Tabiat membaca merupakan satu tabiat yang seharusnya dipupuk sejak kanak-kanak lagi dan adalah kemahiran hidup yang penting. Masyarakat yang sempurna dari segi fikiran dan fizikal biasanya mempunyai latar belakang yang suka membaca. Membaca bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan seseorang tetapi dapat



membina kematangan dan membentuk watak seseorang, mengasah pemikiran serta meluaskan kesedaran diri dalam sosial, ekonomi, politik dan persekitaran (Inderjit, 2014). Memang sukar untuk menggalak masyarakat membaca kerana mereka mungkin berasal dari persekitaran, atau keluarga yang sememangnya tidak suka membaca. Oleh kerana isu ini merupakan isu nasional, seluruh negara seharusnya terlibat untuk membina tabiat membaca dan membentuk masyarakat berbudaya membaca.

Semua peringkat Kementerian Pelajaran hingga kepada agensi kerajaan lainnya, kerajaan negeri, badan berkanun, Organisasi Bukan Kerajaan (NGO), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri (PAN), Jabatan kemajuan masyarakat (KEMAS), organisasi masyarakat, ibu bapa, sekolah, institusi awam dan swasta dan lain-lain perlu memainkan peranan dalam berusaha ke arah budaya membaca. Ini selaras dengan menyokong agenda kerajaan yang ingin menjadikan Malaysia sebagai masyarakat yang mengamalkan budaya membaca menjelang tahun 2030 dengan memperkenalkan Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) 2021-2030 dan Kuala Lumpur Membaca (KLMembaca) 2020 (Azura Abbas, 2018).

Menteri Pendidikan iaitu Maszlee Malik (2018) dalam tulisannya di Sinar Harian mensasarkan Malaysia menjadi negara membaca menjelang 2030. Menurut beliau Malaysia hanya membaca (tiga) 3 jam seminggu berbanding dengan negara India adalah negara yang paling banyak membaca iaitu 10.42 jam seminggu untuk membaca diikuti oleh Thailand menggunakan masa dengan membaca selama 9.24





jam seminggu dan China lapan (8) jam, Filipina 7.36 jam serta mesir 7.30 jam seminggu (NOP World Culture Score Index, 2014). Begitu juga dengan ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapannya sempena majlis pelancaran Dekad Membaca Kebangsaan menyatakan seluruh rakyat Malaysia perlu membudayakan amalan membaca. Budaya membaca sebagai suatu amalan adalah asas kepada pemerolehan dan pengukuhan ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan pula merupakan asas kepada pembangunan diri manusia. melalui amalan membaca seseorang itu bukan sahaja kaya dengan pelbagai ilmu pengetahuan, bahkan berkebolehan menyampaikan ilmu pengetahuan tersebut dengan baik dan berkesan. Dorongan dari kerajaan dalam memantapkan persekitaran asas galakan membaca dan ketersediaan mental rakyat secara agresif, kreatif dan inklusif, selaras hasrat menjadikan Malaysia negara membaca dalam tempoh 10 tahun akan datang.

